

LAWATAN PENANDA ARAS OLEH INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN) KE INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (IPN) SABAK BERNAM & PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA TAMPAR INSTUN VS IPN

21 Mei 2026 -INSTUN telah mengadakan Program Lawatan Penanda Aras ke Institut Perakaunan Negara (IPN) Sabak Bernam yang diketuai oleh Ybrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Delegasi ini disambut oleh Ybrs. Dr. Ahmad Shukri bin Abdul Gani, Pengarah IPN bersama -sama pegawai-pegawai kanan IPN. Lawatan penanda aras ini memberi fokus kepada Pengurusan Jurnal dalam Pengindeksan Mycite dan pengurusan fasiliti.

INSTUN dan IPN komited terhadap pembangunan dan hala tuju organisasi ke arah kemajuan yang positif.

Selesai sesi lawatan tersebut, satu perlawanan persahabatan bola tampar antara kedua-dua pasukan diadakan di Gelanggang Bola Tampar Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) yang melibatkan kategori wanita, lelaki dan campuran. Perlawanan berlangsung dalam suasana penuh semangat kesukanan dan persaingan sengit antara kedua-dua pasukan. Bagi kategori wanita, kemenangan berpihak kepada pasukan INSTUN manakala kategori lelaki pula menyaksikan INSTUN menang sengit. Bagi kategori campuran berakhir dengan keputusan berpihak kepada IPN.

Tahniah dan syabas kepada pasukan INSTUN dan IPN di atas sokongan serta semangat berpasukan yang jitu ditunjukkan.







